



TENGGELAM...Jalan Pegawai ditenggelami banjir kilat.

Banjir kilat hujan 5 jam

ALOR STAR: Hujan lebat selama kira-kira lima jam menyebabkan beberapa jalan di bandar raya ini ditenggelami banjir kilat, petang semalam.

Antaranya, Jalan Pegawai yang dinaiki air hingga 0.5 meter menyebabkan beberapa kenderaan terutama kenderaan kecil terpaksa membuat pusingan 'U' bagi mengelakkan berlaku kejadian tidak diingini.

Keadaan di situ tambah buruk apabila kerja-kerja pembesaran jalan sejak kira-kira tiga bulan lalu hingga menyebabkan kon terapung dan bertaburan di tengah jalan berkenaan.

Setakat jam 5 petang, air semakin naik manakala jumlah

kenderaan yang menggunakan laluan itu berkurangan.

Seorang peniaga pakaian yang dikenali sebagai Lim Choo, 39, berkata dia terpaksa meminta bantuan orang ramai untuk menolak kereta Perodua Kancil miliknya selepas enjin tidak berfungsi akibat dimasuki air.

"Saya minta bantuan orang ramai untuk menolak kereta saya ke tepi selepas enjinnya tidak dapat berfungsi sebaik melalui kawasan banjir itu," katanya.

Menurutnya, Jalan Pegawai di Alor Star turut ditenggelami banjir kilat hingga 0.5 meter petang apabila hujan lebat berterusan dari jam 1 tengah hari.